

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A [60 markah]

Jawab SEMUA soalan.

1. [a] Berikan empat perkara yang berkaitan dengan persoalan kenapa kita perlukan metodologi:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

(4 markah)

- [b] Bagaimanakah proses pembinaan teori menurut pendekatan:

- i. sains sosial konvensional:

- ii. ekonomi Islam:

(4 markah)

- [c] Dengan menggunakan konsep-konsep asas seperti *al-falah*, sumber alam, kerjasama dan penyertaan, olahkan satu takrifan ekonomi Islam yang ringkas dan sesuai.

(3 markah)

...3/-

[d] Jelaskan secara ringkas konsep-konsep berikut dalam ekonomi Islam:

i. *Jihad*:

ii. *Keadilan*:

iii. *Prinsip kesepaduan ekonomi*:

(6 markah)

[e] Apakah 5 syarat spiritual bagi mencapai *al-falah*?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

[f] Nyatakan 5 cabang *Syari'at* Islam untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

[g] Islam boleh dibahagikan kepada tiga cabang yang besar terdiri daripada:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(3 markah)

[h] Monzer Kahf telah memberikan takrifan khas kepada konsep-konsep berikut semasa membincangkan tentang rasionaliti Islam:

- i. kekayaan:


- ii. barangan:

- iii. kejayaan:

(6 markah)

...5/-

[i] Antara 6 bentuk organisasi pengeluaran dalam ekonomi Islam:



(5 markah)

[j] Jelaskan konsep-konsep berikut untuk menunjukkan perbezaan antara keduanya:

i. permintaan berkesan:

ii. keperluan berkesan:

(4 markah)

[k] Kesimpulan tentang rasionalisme penggunaan Islam dirumuskan seperti berikut:

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(4 markah)

[l] Lima perkara *maqasid al-syari'ah* yang termasuk dalam kumpulan *daruriyyat*:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

[m] Prinsip Sayyidina Umar al-Khattab (r. a) tentang wang awam adalah:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(3 markah)

[n] Tiga kelompok *maqasid al-syari'ah* menurut Syatibi:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(3 markah)

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. (a) Islam mempunyai konsep-konsepnya sendiri tentang ekonomi. Bincangkan makna *iqtisad* dalam ekonomi Islam. Huraikan secara ringkas bagaimana konsep keadilan dan *hikmah* berkait dengan konsep *iqtisad*.
(6 markah)
- (b) Bincangkan kelemahan-kelemahan metodologi ekonomi konvensional sehingga ia menjadi tidak relevan dengan kajian ekonomi Islam. Bincangkan peranan al-Qur'an dan *Sunnah* dalam metodologi ekonomi Islam.
(7 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem ekonomi? Bincangkan secara ringkas kriteria tradisional bagi menentukan sistem ekonomi, dan bandingkan dengan kriteria sistem yang dicadangkan oleh Mohd Akram Khan.
(7 markah)
3. (a) Huraikan secara ringkas hubungan di antara keseimbangan firma dalam teori ekonomi Islam dengan konsep pemaksimuman keuntungan. Kenapakah Islam menawarkan penyelesaian yang lebih luas kepada keseimbangan firma berbanding dengan teori firma konvensional.
(7 markah)
- (b) Bincangkan secara kasar teori pengeluaran Islam dengan memberikan tumpuan kepada pandangan Islam tentang kegiatan ekonomi, nilai-nilai moral, matlamat ekonomi dan objektif pengeluaran dalam Islam.
(7 markah)
- (c) Jelaskan bagaimana pasaran yang berasaskan kepada konsep keperluan berkesan dan penawaran berasaskan kapasiti potensi akan menjadi lebih bermakna daripada pasaran yang berasaskan kepada konsep permintaan dan penawaran yang lazim.
(6 markah)

4. (a) Bincangkan pengertian zakat dari segi bahasa Arab dan pengertiannya mengikut syari'at Islam. Terangkan prinsip pengagihan zakat dalam Islam. Siapakah yang layak menerima zakat?

(7 markah)

- (b) Bagaimanakah kepentingan zakat dalam Islam dan apakah tujuan zakat dikenakan dalam masyarakat Islam?

(6 markah)

- (b) Bincangkan prinsip-prinsip perbelanjaan awam yang dikemukakan oleh Umer Chapra. Bincangkan juga punca-punca yang menyebabkan perbelanjaan awam menjadi tidak cekap menurut perspektif Islam.

(7 markah)